

KEMISKINAN KELUARGA DAN PENGARUHNYA TERHADAP TAHAP PENDIDIKAN RENDAH MASYARAKAT LUAR BANDAR: KAJIAN KES DI JAJAHAN BACHOK, KELANTAN

(*Family Poverty and Its Influence on Rural Community Low Education:
Case Study in Bachok District, Kelantan*)

Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat

ABSTRAK

Tahap pendidikan rendah sering dikaitkan dengan masyarakat di kawasan luar bandar. Ini kerana masyarakat luar bandar mempunyai kekangan dalam aspek mendapatkan ilmu pendidikan, peluang pekerjaan dan memperoleh pendapatan tinggi. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat di luar bandar berada dalam tahap pendidikan yang rendah. Kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk pengumpulan data. Soal selidik telah dijalankan ke atas 230 orang responden yang terdiri daripada Senarai Keluarga Miskin Jajahan Bachok. Data yang diperolehi daripada responden dianalisis untuk maklumat deskriptif dan "ranking analysis" menggunakan perisian SPSS. Kajian mendapati hampir 40 peratus responden berpendapat bahawa faktor utama yang mempengaruhi tahap pendidikan rendah di luar bandar adalah disebabkan faktor kewangan yang berkaitan dengan pendapatan rendah yang diperoleh ketua keluarga. Selain itu faktor latar belakang pendidikan yang rendah dalam kalangan ketua keluarga turut memberi kesan kepada pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Walau bagaimanapun majoriti daripada responden menyedari kepentingan pendidikan untuk generasi mereka. Oleh itu, penekanan dan keperluan peluang dalam aspek pendidikan khususnya di lokasi luar bandar perlu diperkuatkan dengan lebih jitu lagi.

Kata Kunci: Kemiskinan keluarga, masyarakat luar bandar, pendidikan rendah, peluang pekerjaan, pendapatan.

ABSTRACT

The low level of education is often associated with people in rural areas. This is because the rural community has constraints in the areas of education, employment and income. The purpose of this study is to study family factors that cause rural communities to be in low level of education. The combination of quantitative methods using questionnaire instruments and qualitative methods of interviews was used for data collection. Questionnaires for 230 respondents in Jelawat, Perupok and Tawang areas in Bachok, Kelantan were conducted. The data obtained from the respondents were analyzed for descriptive information and "ranking analysis" using the Statistical Package for the Social Science 11.0 software. The study found that nearly 40 percent of respondents felt that the main factor affecting the level of primary education in the rural areas was due to the financial

factors associated with lower income earned by the head of the family. In addition, the primary education background of the head of the family also affects the achievement of education among their children. But the majority of respondents are aware of the importance of education for their generation. Therefore, the emphasis and the need for opportunities in education, particularly in rural areas, should be strengthened more accurately.

Keywords: Family poverty, rural community, low education, employment, income.

PENGENALAN

Umumnya, terdapat kebenaran yang membuktikan bahawa golongan masyarakat luar bandar mempunyai masalah kemiskinan, tahap pendidikan rendah, kurang peluang pekerjaan dan perolehan pendapatan yang rendah. Menurut Buarque, Spolar dan Zhang (2006), semua isu sosial seperti kurangnya aspek pendidikan, aspek kesihatan, tidak mempunyai peluang pekerjaan dan sebagainya adalah antara isu yang sering dikaitkan dengan golongan masyarakat ini. Birdsall (1980) mengaitkan masalah kemiskinan dengan isu pendidikan dengan mengatakan bahawa kemiskinan bukan hanya terbatas kepada maksud ketaksamaan pendapatan serta pendapatan yang rendah tetapi termasuk dengan tahap pendidikan yang kurang, tahap kesihatan yang kurang baik, dan jangka hayat yang rendah. Beliau memberi pendapat bahawa, peningkatan kadar kenal huruf, perbandaran, pendapatan, jangka hayat dan sebagainya dikenalpasti dapat membantu mengatasi masalah kemiskinan. Justeru hubungan antara kemiskinan dan pendidikan yang sering dikaitkan dengan satu sistem putaran ganas ada rasional dan implikasinya. Ini adalah kerana pendidikan ibu bapa yang rendah cenderung menyebabkan pencapaian pendidikan turut rendah dalam kalangan anak mereka dan kesan insiden kemiskinan akan mewujudkan persekitaran yang tidak menggalakkan pembelajaran, seperti suasana kebisingan serta terpaksa membantu pekerjaan ibu bapa (Osman-Rani, 1995). Keadaan ini menyebabkan wujudnya jurang perbezaan antara masyarakat di luar bandar dan bandar terutama dalam aspek tahap pendidikan yang diterima. Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan satu elemen yang sangat penting untuk kemajuan sesebuah negara. Justeru, pihak yang terlibat seharusnya mengambil pelbagai inisiatif bagi mengatasi masalah keciciran pendidikan khususnya dalam kalangan masyarakat di luar bandar ini. Oleh itu artikel ini bertujuan untuk mengenal pati faktor-faktor yang membawa kepada kemiskinan keluarga di luar bandar, mengkaji tahap pencapaian pendidikan ketua isi rumah (KIR) miskin di luar bandar, serta melihat prestasi pendidikan anak-anak KIR miskin di luar bandar.

KAJIAN LITERATUR

Keciciran kanak-kanak luar bandar dari pelbagai aspek kehidupan adalah disumbangkan oleh faktor kemiskinan yang dihadapi oleh mereka. Menurut Buarque, Spolar, dan Zhang (2006), golongan miskin kebanyakannya terdiri daripada golongan masyarakat luar bandar yang tidak mampu untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan hanya disebabkan mereka hidup dalam keadaan yang miskin dan melarat. Ia dikaitkan dengan persekitaran mereka yang jauh terpencil dan tidak mendapat akses kemajuan khususnya dari aspek pendidikan. Ibrahim Abu Shah

(1995) telah melihat kepentingan aspek kesihatan dan persekitaran dalam merangsangkan pembangunan dan pendidikan kanak-kanak. Bagi kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang baik, mereka akan mempunyai taraf kesihatan yang tinggi dan berkemampuan bersaing dalam semua bidang. Sebaliknya bagi kanak-kanak yang tinggal dalam persekitaran tidak baik seperti keadaan rumah yang sesak, kekurangan sanitasi dan kebersihan, kurang pemakanan dan pendidikan akan mengalami tekanan kehidupan seperti kemiskinan (Ibrahim Abu Shah, 1995). Oleh itu, persoalan yang wujud di sini adalah melalui golongan masyarakat di kawasan luar bandar yang dikatakan tidak menerima pendidikan yang secukupnya berbanding dengan masyarakat bandar yang menerima kemudahan pendidikan yang lebih baik dan berkualiti. Hal ini menyebabkan golongan masyarakat luar bandar khususnya pelajar sering ketinggalan dalam mendapatkan kemajuan pendidikan bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka yang lebih baik.

Terdapat perhubungan antara kemiskinan dengan pendidikan. Menurut Awang Had Salleh (dalam Osman-Rani, 1995), kemiskinan boleh menyebabkan pencapaian pendidikan rendah dan seterusnya menyebabkan kemiskinan diwariskan daripada ibu bapa kepada anak-anak. Pendidikan ibu bapa yang rendah cenderung menyebabkan pencapaian pendidikan turut rendah dalam kalangan anak mereka (Osman-Rani, 1995). Ogburn (1964) menegaskan bahawa pembangunan keluarga berhubung rapat dengan pendidikan. Namun demikian ibu bapa di luar bandar mengabaikan tanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Kebanyakan kanak-kanak dari luar bandar tercicir daripada aspek pendidikan, kesihatan, sanitasi, dan sebagainya. Ini disebabkan oleh faktor kemiskinan yang dialami oleh keluarga mereka. Oleh itu jelas bahawa, keciran kanak-kanak luar bandar dari pelbagai aspek adalah disumbangkan oleh faktor kemiskinan keluarga dan ini menunjukkan bahawa pembangunan keluarga berhubung rapat dan berupaya mempengaruhi dengan pendidikan anak-anak.

Kebanyakan pengkaji berpendapat bahawa keciran pendidikan dalam kalangan masyarakat luar bandar adalah akibat daripada faktor kemiskinan keluarga (Nath et al., 1999, Bao Chuanyou, 2006 & Todaro, 2003). Keadaan ini mendorong kepada wujudnya jurang perbezaan antara masyarakat di luar bandar dan di bandar terutama dalam aspek tahap pendidikan yang diterima. Di Malaysia, keputusan peperiksaan awam pada tahun 2009 iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) mendapati bahawa masih wujud jurang perbezaan yang ketara antara sekolah dalam bandar dan luar bandar. Di China misalnya, masalah perbezaan jurang pendidikan antara masyarakat bandar dan luar bandar memang sudah berlaku. Bao Chuanyou (2006), berpendapat bahawa jurang perbezaan pendidikan masyarakat bandar dan luar bandar dalam masyarakat di China adalah disebabkan oleh dua faktor utama iaitu (i) perbezaan dari sudut keadaan dan suasana persekitaran sekolah bagi lokasi di luar bandar dan bandar dan (ii) perbezaan dari segi peluang kemasukan pelajar dalam persekolahan antara kawasan di luar bandar dan bandar. Ternyata bahawa pendidikan yang dimiliki oleh seseorang individu mampu mengurangkan ketidak seimbangan pendapatan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat seterusnya dapat mengurangkan kadar kemiskinan (Todaro, 2003). Ini menunjukkan terdapatnya hubung kait yang positif antara taraf pendidikan dengan perolehan pendapatan sepanjang hayat.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pendidikan merupakan satu elemen yang sangat penting untuk kemajuan sesebuah negara. Peranan pendidikan menjadi semakin menebal apabila ia menjadi wahana utama membasmikan isu kemiskinan masyarakat di luar

bandar. Justeru, pihak yang terlibat seharusnya mengambil pelbagai inisiatif bagi mengatasi masalah keciciran pendidikan khususnya dalam kalangan masyarakat di luar bandar ini.

METOD KAJIAN

Kajian ini merupakan satu penyelidikan yang berbentuk penerokaan dan tidak melibatkan pengujian hipotesis. Ini kerana penyelidikan yang berbentuk penerokaan berupaya mengenal pasti ciri-ciri sebenar sesuatu aspek yang dikaji dan mampu menghasilkan kajian yang berkualiti (Robinson, 1998). Pendekatan yang digunakan merupakan kombinasi pendekatan kuantitatif dan kualitatif supaya data diperolehi mempunyai reliabiliti dan kredibiliti (Eyles, 1992 & Bernard, 2000). Data kuantitatif dari soal selidik serta maklumat kualitatif dari temubual mendalam dan pemerhatian ikut serta akan saling menyokong untuk menjawab objektif penyelidikan. Pengumpulan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif ini dilakukan secara serentak iaitu penulis melakukan pemerhatian ikut serta semasa menjalankan temubual menggunakan borang soal selidik (Bernard, 2000).

Kajian telah menetapkan bahawa responden dipilih daripada Senarai Keluarga Miskin Jajahan Bachok. Seramai 230 orang responden telah terpilih daripada kajian ini. Kesemua daripada mereka mempunyai berpendapatan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) pada tahun tersebut. Dalam senarai keluarga miskin, peserta terdiri daripada bangsa Melayu dan merupakan penduduk kawasan luar bandar. Data primer diperoleh daripada soal selidik yang dijalankan di kawasan Jajahan Bachok iaitu di Tawang, Perupok, dan Jelawat. Kaji selidik ini bertujuan mendapatkan maklumat latar belakang keluarga miskin di kawasan kajian, status responden, tahap pendidikan responden, tahap pendidikan ahli keluarga responden khususnya tahap pendidikan kalangan anak-anak responden, beberapa persepsi tentang kepentingan pendidikan, serta kesihatan dalam kalangan mereka.

HASIL KAJIAN

(i)Latar Belakang Responden

Secara terperinci latar belakang responden kawasan kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 :Latar belakang responden

| Latar Belakang | Kategori | Bilangan | Peratus |
|------------------|------------------|----------|---------|
| Umur | 22 hingga 31 | 15 | 6.5 |
| | 32 hingga 41 | 51 | 22.2 |
| | 42 hingga 51 | 84 | 36.5 |
| | 52 hingga 61 | 50 | 21.7 |
| | 62 hingga 71 | 21 | 9.1 |
| | 72 hingga 81 | 7 | 3.0 |
| | 82 hingga 91 | 2 | 0.9 |
| Taraf pendidikan | Tidak Bersekolah | 125 | 54.3 |
| | Sekolah Pondok | 5 | 2.2 |
| | Sekolah Rendah | 44 | 19.1 |

| | | | |
|---|------------------------------|-----|------|
| | Sekolah Menengah Rendah | 38 | 16.5 |
| | Sekolah Menengah Atas | 18 | 7.8 |
| Status bekerja | Ya | 200 | 87.0 |
| | Tidak | 30 | 13.0 |
| Jenis Pekerjaan | Buruh dan buruh kasar | 62 | 27.0 |
| | Petani dan pekebun kecil | 58 | 25.2 |
| | Tukang kebun dan tukang sapu | 5 | 2.2 |
| | Nelayan | 15 | 6.5 |
| | Lain-lain pekerjaan | 60 | 26.1 |
| Jumlah pendapatan (daripada pekerjaan utama) | Kurang RM100 | 6 | 3.0 |
| | RM101 – RM200 | 41 | 20.5 |
| | RM201 – RM300 | 53 | 26.5 |
| | RM301 – RM400 | 67 | 33.5 |
| | RM401 – RM500 | 27 | 13.5 |
| | RM501 ke atas | 6 | 3.0 |
| Pendapatan Purata Bulanan(Ahli keluarga) | Kurang RM100 | 3 | 1.3 |
| | RM101 – RM200 | 54 | 23.5 |
| | RM201 – RM300 | 52 | 22.6 |
| | RM301 – RM400 | 66 | 28.7 |
| | RM401 – RM500 | 42 | 18.3 |
| | RM501 ke atas | 13 | 5.7 |

Sumber: Kajian lapangan.

Responden yang terlibat dalam kajian ini berumur dalam lingkungan antara 22 hingga 91 tahun. Majoriti terdiri dalam lingkungan umur 42 hingga 51 tahun iaitu 84 orang. Kajian mendapati majoriti responden yang tidak pernah menerima pendidikan ialah 125 orang atau 54.3 peratus, manakala 105 orang responden atau 45.7 peratus mendapat pendidikan. Taraf pendidikan yang rendah dalam kalangan responden menyebabkan majoriti daripada mereka bekerja dalam sektor berkemahiran rendah atau sektor tidak formal. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan teori modal manusia yang mana terdapat hubungan yang positif antara upah yang diterima dengan tingkat pendidikan seseorang (Rahmah Ismail, 2003).

Penemuan kajian mendapati kebanyakan responden bekerja iaitu 87.0 peratus (200 orang). Hanya 13.0 peratus (30 orang) tidak bekerja. Majoriti responden bekerja sebagai buruh dan buruh kasar iaitu 27 peratus (62 orang). Dalam sektor lain-lain pekerjaan seramai 60 orang responden atau 26.1 peratus adalah mewakili responden yang bekerja sebagai pemandu kereta sewa, pengasuh, tukang jahit, tukang masak di kantin sekolah, pembuat kuih, penjual kuih, bomoh, dan peniaga gerai. Penemuan kajian menunjukkan bahawa penglibatan responden menunjukkan mereka langsung tidak terlibat dalam kategori pekerjaan yang memerlukan taraf pendidikan yang lebih baik iaitu seperti kategori professional, pentadbiran dan pengurusan, perkeranian serta pengeluaran. Ini adalah disebabkan oleh faktor pendidikan yang rendah dalam kalangan responden. Faktor pendidikan yang rendah menjadi penyebab utama majoriti responden tertumpu dalam sektor buruh dan pembinaan, sektor pertanian serta sektor perkhidmatan sahaja.

Pencapaian taraf pendidikan yang rendah menyebabkan kebanyakan ahli isi rumah miskin tersebut hanya bekerja dalam sektor pekerjaan yang bergaji rendah. Penemuan ini juga bersamaan dengan penemuan Buarque et al., (2006) dan Bao Chuanyou (2006), yang mendapati tahap pendidikan masyarakat di luar bandar yang rendah menyebabkan mereka bekerja dalam sektor

pekerjaan yang berkemahiran rendah dan tidak memerlukan kelayakan akademik yang lebih baik. Menurut Raja Rohana Raja Mamat (1991), semakin tinggi tahap pendidikan, maka semakin terbuka peluang untuk mendapatkan pekerjaan dan semakin meningkat status mereka di sisi masyarakat (Aminah Ahmad, 1993). Justeru, berdasarkan pencapaian pendidikan responden yang telah dibincangkan, sedikit sebanyak telah memberikan gambaran awal ini.

Berdasarkan kepada jumlah pendapatan bulanan responden (ukuran berdasarkan PGK 2002), kesemua responden adalah mereka yang berada di bawah paras kemiskinan. Ini disebabkan pekerjaan yang diceburi hanya dalam kategori pendapatan rendah. Hanya enam orang (3.0 peratus) responden yang memperoleh pendapatan RM501 dan ke atas. Todaro (2003) menjelaskan bahawa pekerjaan tidak menjamin keupayaan golongan ini khususnya yang berada di kawasan luar bandar. Mereka gagal untuk keluar dari lingkaran kemiskinan kerana menerima pendapatan yang rendah dari sektor pekerjaan yang diceburi malahan seterusnya menyumbang kepada peningkatan kadar kemiskinan yang tinggi di kawasan luar bandar (Todaro, 2003).


Berdasarkan perbincangan ini dapat disimpulkan bahawa pendapatan bulanan yang diterima oleh responden adalah sangat rendah dan berada di bawah paras kemiskinan. Dapatan ini sama seperti penemuan kajian dari negara-negara maju dan membangun yang lain (Cochrane, 1993; Agesa, 2004).

(ii) Faktor penyumbang kemiskinan keluarga di luar bandar

Penemuan daripada kajian isi rumah Melayu miskin ini mendapati, pelbagai masalah dihadapi oleh pelajar di luar bandar. Menurut Faridah Abu Hassan et al., (2005), hubungan kemiskinan dengan pencapaian pendidikan dapat dikaitkan dengan kesan negatif terhadap perkembangan minda. Kesan ini mempengaruhi konsentrasi dan pembelajaran harian seperti kekurangan nutrien atau zat yang mempengaruhi pembesaran, kekurangan pengawasan oleh ahli dewasa dan penjagaan anak yang akan menghad pembelajaran, kekurangan stimulasi yang mengakibatkan kekurangan motivasi untuk belajar dan melambatkan perkembangan kognitif, tingkah laku yang bermasalah, sikap kendiri yang rendah, buta huruf dan pencapaian rendah, gangguan kepada kehadiran ke sekolah dan tercicir dari sekolah, dan kekurangan kemasukan ke universiti (Faridah Abu Hassan et al., 2005).

Kajian turut melakukan temubual mendalam ke atas beberapa orang responden untuk mengetahui pelbagai faktor dan halangan yang dihadapi oleh responden dalam memberi pendidikan kepada anak-anak mereka. Penggunaan “*ranking analysis*” mendapati bahawa masalah yang paling utama dihadapi oleh responden adalah masalah kewangan di mana faktor ini menyumbang sebanyak 38.0 peratus atau 88 orang. Selain daripada faktor kewangan, kajian juga mendapati faktor pendidikan responden yang berpendidikan rendah juga turut mempengaruhi dalam memberi pendidikan yang lebih sempurna kepada anak-anak. Buktinya seramai 66 orang atau 29 peratus responden dari kalangan mereka memberi faktor sebegitu. Selain itu, faktor rumah tangga dan keluarga, faktor dalam kalangan anak-anak sendiri, serta faktor persekitaran turut mempengaruhi responden di mana faktor ini masing-masing mewakili 15.0 peratus (35 orang), 11.0 peratus (26 orang), dan 7.0 peratus atau 15 orang. Rajah 1 menunjukkan masalah dan cabaran responden dalam memberi pendidikan kepada anak-anak.

Rajah 1: Faktor yang mempengaruhi masalah dan cabaran responden dalam memberi pendidikan kepada anak-anak.



Sumber: Kajian lapangan.

Berdasarkan faktor-faktor diatas, jelas menunjukkan bahawa keadaan ini disebabkan responden masih berada dalam kelompok miskin dan terdiri daripada masyarakat yang tinggal di luar bandar. Masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan responden ini sekaligus memberi impak terhadap pencapaian pendidikan dalam kalangan anak-anak mereka.

Penemuan hasil kajian di kawasan Jajahan Bachok ini mempunyai persamaan dengan kajian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Malaysia, 2002). Dinyatakan masalah kemiskinan di luar bandar mungkin merupakan salah satu faktor penting yang telah membawa kepada pencapaian pelajar-pelajar sekolah luar bandar yang pada puratanya masih ketinggalan berbanding pelajar-pelajar di bandar. Kedua-dua dapatan kajian ini telah mengesahkan adanya hubungan yang rapat antara latar belakang sosio-ekonomi pelajar-pelajar dan prestasi akademik mereka. Pelajar-pelajar miskin yang kekurangan sumber kewangan mungkin terpaksa membantu ibubapa dalam mencari rezeki bagi menambah pendapatan keluarga. Ini bererti masa untuk belajar dan membuat kerja rumah akan berkurangan (Malaysia, 2002). Justeru, dapat dirumuskan bahawa keadaan hidup masyarakat luar bandar pada masa tersebut dipengaruhi oleh faktor kewangan yang terbatas sekaligus memberi kesan negatif terhadap aspek pencapaian pendidikan anak-anak yang mana ia menjadi halangan utama pelajar luar bandar mencapai kejayaan seterusnya.

Di samping itu, temubual mendalam ke atas seorang ibu tunggal yang mempunyai taraf hidup yang rendah berpendapat:

“Masalah kewangan yang dihadapi oleh keluarganya menyebabkan beliau tidak dapat memberi pendidikan kepada anak sulungnya. Saya terpaksa memberhentikan persekolahan anak sulung pada waktu itu bagi membantu saya menanam tembakau untuk menanggung perbelanjaan harian”.

(Responden A, perempuan, 45 tahun.)

Perkara ini bertepatan dengan penemuan oleh Lino (1994), yang menyatakan bahawa kemiskinan yang dialami oleh ibu tunggal akan membawa kesan kepada anak-anak di bawah penguasaannya. Menurut Lino (1994), kalangan anak-anak daripada ibu tunggal juga adalah lebih cenderung untuk berhenti sekolah lebih awal berbanding anak-anak dari kalangan ibu bapa lain. Justeru, dapatan ini menunjukkan faktor kemiskinan membawa kepada pelbagai permasalahan. Keadaan kemiskinan yang dialami sedikit sebanyak mempengaruhi tahap ketersampaian dalam memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak sama ada di peringkat sekolah menengah maupun rendah.

(iii) Tahap pencapaian pendidikan ketua isi rumah miskin di luar bandar

Selain daripada faktor kewangan yang dikatakan punca utama dalam masalah dan cabaran responden di kawasan kajian ini, faktor taraf pendidikan yang rendah dalam kalangan responden turut memberi kesan yang sama. Pendidikan yang diberikan khususnya kepada golongan miskin akan mampu membantu mereka memperoleh kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik, meningkatkan daya saing, dan meningkatkan pendidikan anak-anak mereka. Pendidikan ibu bapa/penjaga juga memberi kesan *intergenerational effects* khususnya terhadap tahap dan pencapaian pendidikan anak-anak serta keupayaan untuk mengubah mobiliti sosial (Malaysia, 2001). Maka, penemuan ini amat jelas bahawa aspek pendidikan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemajuan masyarakat khususnya di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, kebanyakan responden yang ditemubual dalam kajian ini mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Buktinya dapatan kajian yang diperoleh melalui Jadual 2 menggambarkan bahawa terdapat hubung kait yang positif antara tahap pendidikan seseorang responden dengan masalah dan cabaran yang dilalui dalam memberi pendidikan kepada anak-anak mereka.

Jadual 2: Tahap pendidikan responden dan pengaruhnya terhadap cabaran dan Masalah dalam memberi pendidikan kepada anak-anak.

| Tahap Pendidikan responden | Cabaran dan masalah dalam memberi pendidikan kepada anak-anak | | | | | Jumlah |
|----------------------------|---|-------------------|----------------------------------|------------------|---------------------|-----------------------|
| | Faktor kewangan | Faktor pendidikan | Faktor rumah tangga dan keluarga | Faktor anak-anak | Faktor persekitaran | |
| Tidak bersekolah | 37 (42.0%) | 44 (66.7%) | 20 (57.1%) | 14 (53.8%) | 10 (66.7%) | 125 (54.3%) |
| Sekolah pondok | 4 (4.5%) | 1 (1.5%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 0 (0%) | 5 (2.2%) |
| (Tamat Djh. 6) | 20 (22.7%) | 12 (18.2%) | 7 (20.0%) | 4 (15.4%) | 1 (42.0%) | 44 (42.0%) |

| | | | | | | |
|-------------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|----------------------------|-------------------------------|
| (Tamat Ting. 3) | 17 (19.3%) | 6 (9.1%) | 6 (17.1%) | 6 (23.1%) | 3 (20.0%) | 38 (16.5%) |
| (Tamat Ting. 4 hingga Ting 6) | 10 (11.4%) | 3 (4.5%) | 2 (5.7%) | 2 (7.7%) | 1 (6.7%) | 18 (7.8%) |
| Jumlah | 88 (38.0%) | 66 (29.0%) | 35 (15.0%) | 26 (11.0%) | 15 (7.0%) | 230 (100.0%) |

Sumber: Kajian lapangan.

Seramai 88 orang (38.0 peratus) responden berpendapat bahawa faktor kewangan merupakan masalah utama dalam memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Dalam jumlah ini, seramai 37 orang atau (42.0 peratus) adalah terdiri daripada mereka yang tidak pernah bersekolah. Salah seorang daripada responden yang berpendapat,

“Saya tidak dapat membantu pelajaran anak-anak meskipun pada tahap sekolah rendah. Saya sendiri pun tidak pernah bersekolah, dan saya sendiri buta huruf serta tidak dapat menulis atau membaca. Apa-apa masalah kerja sekolah, saya mintak anak-anak tanya cikgu di sekolah sahaja”.

(Responden B, lelaki, 51 tahun).

Situasi ini adalah sama dengan penemuan oleh Clinton, (1996) yang mengatakan kebanyakan pelajar miskin tidak mendapat bimbingan pelajaran di rumah. Dari segi ini, jurang akademik antara pelajar miskin dan kaya semakin meluas kerana rakan sebaya mereka yang lebih berada mampu mendapat tuisyen. Berbeza dengan Amerika Syarikat, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka sangat diutamakan seperti *Family Math Program* yang disasarkan kepada ibu bapa. Program ini bertujuan memberi mereka keyakinan dan kemahiran ibu bapa untuk membantu anak mereka dalam sesuatu matapelajaran (Clinton, 1996).

Pendapat ini turut disokong dengan penemuan di Afrika Selatan. Nhamo dan Nhamo (2006) berpendapat pengaruh tahap pendidikan penjaga atau ibu bapa kepada pelajar sekolah di Afrika Selatan akan dapat mempengaruhi perkembangan dan pencapaian seseorang pelajar. Pada peringkat nasional, program untuk membantu perkembangan pendidikan kepada ibu bapa yang buta huruf telah diperkenalkan bagi mengurangkan masalah kemunduran pendidikan di kalangan mereka (Nhamo dan Nhamo 2006). Oleh itu, dapatan yang diperolehi di atas jelas menunjukkan bahawa faktor pendidikan yang rendah dalam kalangan responden mempengaruhi pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Ini kerana faktor tersebut cenderung memberi masalah dalam membantu meningkatkan pencapaian pendidikan anak-anak.

Walau bagaimanapun, masalah dan cabaran yang dihadapi oleh responden tidak terbatas kepada faktor-faktor di atas sahaja. Faktor saiz keluarga yang besar turut mempengaruhi keluarga miskin di Jajahan Bachok ini. Kajian menunjukkan purata setiap keluarga di kawasan ini mempunyai anak antara seorang hingga 12 orang. Hasil data menunjukkan majoriti responden memiliki anak di antara empat hingga enam orang iaitu seramai 114 keluarga (49.6 peratus). Bilangan anak teramai iaitu dalam lingkungan 10 hingga 12 orang dimiliki oleh lapan keluarga (3.4 peratus). Faktor lain seperti masalah rumah tangga yang melibatkan penceraian dan perpecahan keluarga turut menjadi cabaran kepada responden yang terbabit (Jadual 2). Ini terbukti

apabila seramai 35 orang (15.0 peratus) daripada responden yang terlibat menganggap bahawa faktor ini memberi kesan kepada mereka.

Keadaan sebegini berlaku apabila terjadinya perceraian di antara ibu bapa dalam sesebuah keluarga sekaligus wujudnya status ibu tunggal atau bapa tunggal. Perkara ini akan bertambah serius apabila tanggung jawab ibu tunggal atau bapa tunggal terpaksa menanggung jumlah bilangan anak yang ramai dengan perolehan pendapatan yang rendah sebagai masyarakat miskin (Che Mah Yusuf dan Mariani Md. Noor, 2000). Hal ini memberi kesan yang negatif kepada anak-anak terutamanya dalam perkembangan pendidikan mereka. Dorongan dan sokongan ibu bapa amat penting dalam memastikan aspek pendidikan anak-anak tidak terabai. Menurut Faridah Abu Hassan et al., (2005) masalah perpecahan rumah tangga juga, mempengaruhi emosi anak-anak sehingga menyebabkan pembelajaran mereka sering terganggu dan cenderung untuk gagal dalam pelajaran. Masalah yang timbul dari perpecahan keluarga ini memberi cabaran kepada masyarakat di kawasan luar bandar dalam memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang memuaskan.

Seorang lagi responden berpendapat,

“Sebagai ibu tunggal saya tahu bahawa kehidupan kami agak terbeban. Bilangan anak yang bersekolah masih ramai dan kami perlukan jumlah perbelanjaan yang besar. Saya hanya berkerja mengambil upah menyiang ikan. Pendapatan tidak menentu. Walaupun menerima bantuan kewangan daripada JKM yang berjumlah RM270 sebulan, jumlah ini agak kecil untuk diagihkan dalam setiap perbelanjaan bulanan khususnya duit poket untuk anak-anak ke sekolah. Oleh kerana kehidupan agak sukar, saya beri kelonggaran kepada anak-anak sama ada mahu ke sekolah ataupun tidak. Ini menyebabkan sesi pembelajaran anak-anak terganggu dan ketinggalan disebabkan sering tidak menghadirkan diri ke sekolah”.

(Responden C, wanita, 39 tahun).

Berdasarkan kes seperti di atas, faktor rumahtangga dan perpecahan keluarga turut memberi cabaran kepada responden yang terabit. Rumah tangga yang kucar kacir dan mengalami keruntuhan seperti perceraian, poligami, dan ibu bapa tidak tinggal serumah menyebabkan keruntuhan akhlak dan masalah sosial di kalangan pelajar (Malaysia, 2001). Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa apabila berlaku perceraian, tanggung jawab memelihara anak selalunya diserahkan kepada datuk atau nenek. Faktor-faktor ini menyebabkan kurangnya kemesraan dan komunikasi berkesan antara anak dan ibu bapa sekaligus mempengaruhi aspek pencapaian pendidikan dalam kalangan anak-anak. Emosi anak-anak turut terganggu disebabkan sering berlaku perbalahan antara ibu bapa dalam keluarga mereka.

Selain daripada faktor-faktor di atas, kajian ini juga telah mengenal pasti bahawa faktor permasalahan anak-anak sendiri dikatakan menjadi cabaran kepada responden. Ini diakui sendiri oleh responden apabila 11.0 peratus (26 orang) daripada keseluruhan responden berpendapat anak-anak banyak memberi masalah sehingga sukar untuk memberi teguran kepada mereka. Melalui temu bual bersama responden, mereka menyatakan anak-anak sering memberontak apabila ditegur berkaitan dengan pelajaran mereka. Ada juga responden menyatakan anak-anak mereka sering terlibat dengan gejala ponteng sekolah, melepak, menghisap rokok, dan juga yang mahu berhenti sekolah apabila melihat ada di antara rakan mereka yang sudah berkerja dan mempunyai

pendapatan bulanan sendiri. Daripada perspektif semasa, ramai anak-anak muda pada masa tersebut khususnya golongan remaja sukar dibentuk dan dididik oleh ibu bapa kerana mereka merasakan diri mereka tidak perlu dikongkong lagi.

Berdasarkan penemuan di atas, terdapat beberapa sikap negatif dalam kalangan remaja di luar bandar. Antaranya wujud keinginan yang tinggi untuk bekerja, terpengaruh dengan kawan-kawan, tidak menghargai masa depan, serta membelakangkan nasihat ibu bapa. Secara umum, sebahagian pelajar Melayu di luar bandar kurang mengutamakan kecemerlangan dalam pendidikan berbanding dengan pelajar Cina. Sikap pelajar Melayu ini dikenal pasti berpunca dari rasa selesa (*complacent*), malas, kurang daya saing, mudah terpengaruh dengan faktor luar yang negatif, kurang pergaulan yang membina, *low self-esteem*, terlibat dalam aktiviti tidak berfaedah, cenderung memilih mata pelajaran senang, dan kurang bimbingan akademik dan kerjaya (Malaysia, 2001).

Satu lagi sikap yang amat membimbangkan adalah tabiat suka membazir masa atau budaya lepak. Dalam satu kajian yang dijalankan mendapati, secara khususnya, 44.8 peratus daripada responden yang lepak berada pada peringkat umur antara 15 hingga 18 tahun, manakala 7.3 peratus berada pada peringkat umur 18 hingga 21 tahun (Sabitha Marican & Mahmood Nazar, 1994).

Sementara itu, faktor persekitaran di kawasan kajian juga turut menjadi punca masalah dan cabaran kepada responden. Ini kerana anak-anak mudah terpengaruh dengan pelbagai budaya sehinggakan pendidikan anak-anak terabai. Sebanyak 6.5 peratus daripada keseluruhan responden memberi alasan faktor ini memberi cabaran kepada pihak mereka. Selain daripada itu, faktor tempat kediaman responden yang kecil dan bising seperti ketiadaan ruang membaca atau bilik asing tidak dapat memberi suasana yang kondusif untuk pelajar menelaah, sebaliknya menjadi faktor penolak pada pelajar untuk membuang masa dengan melepak. Di samping itu juga, faktor persekitaran turut mempengaruhi keadaan motivasi anak-anak mereka. Perbincangan selanjutnya adalah mengenai inisiatif yang diambil oleh responden dalam memastikan aspek pendidikan dapat diberi secara sempurna kepada anak-anak mereka.

KESIMPULAN

Daripada keseluruhan perbincangan, kajian menunjukkan bahawa kecenderungan anak-anak dari keluarga miskin untuk mewarisi kemiskinan keluarga amatlah tinggi. Hal ini kerana kemiskinan keluarga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tahap pendidikan anak-anak keluarga berkenaan. Kebanyakan responden menganggap masalah utama dalam memberi pendidikan kepada anak-anak adalah berpunca daripada faktor kewangan yang terbatas dan dibebani dengan bilangan anak yang ramai serta menanggung anak yang masih bersekolah. Walaupun faktor kewangan merupakan masalah utama dalam memberi pendidikan kepada anak-anak, ada juga responden yang menganggap faktor seperti tahap pendidikan yang rendah dalam kalangan mereka, faktor rumah tangga yang porak peranda, faktor dari kalangan anak-anak sendiri dan faktor persekitaran turut menyumbang kepada masalah dan cabaran dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka. Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan pendidikan luar bandar tidak hanya terhad kepada pembangunan pendidikan anak-anak di sekolah, namun pembangunan keluarga yang sempurna dan bahagia juga merupakan kunci kejayaan sekaligus berupaya mempengaruhi tahap pendidikan di luar bandar.

RUJUKAN

- Aminah Ahmad. (1993). *Status of Women in Malaysia*. Retrieved from: <http://www.adb.org/Document/Books/Country Briefing Papers/Women in Malaysia/chap 04.pdf>.
- Agesa, R.U. (2004). One family, Two Households: Rural To Urban Migration In Kenya. *Review of Economics of the Household*, 2, 161-178.
- Buarque, C, Spolar, M, dan Zhang, T. (2006). Education and Poverty Reduction. *Review of Education*, 52, 219-229.
- Birdsall, N. (1980). *Population and Rural Development in Malaysia: Kajian Ekonomi Malaysia*. Malaysia. 24-34.
- Bao Chuanyou. (2006). Policies for Compulsory education Disparity Between Urban and Rural Areas in China. *Frontier Education China*. 40-55.
- Bernard, H. Russel. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc. 98-179.
- Chamhuri Siwar. (2005). Pembasmian Kemiskinan: Satu Penilaian Kritikal Ke Arah Pemantapan Perancangan, Perlaksanaan dan Penilaian. *Dibentangkan dalam Bengkel Penyediaan Pendekatan Bersepadu Pembasmian Kemiskinan RMke-9*. Malaysia: Putrajaya.
- Cochrane, A. (1993). The Problem of Poverty. Dalam R. Dallos dan E. McLaughlin (Eds.) *Social Problem and the Family*.21-34. London: Sage Publications.
- Clinton, H.R. (1996). *It takes a village and other lessons children teach us*. New York: Simon & Schuster.
- Che Mah Yusuf dan Mariani Md. Noor. (2000). *Personaliti Pelajar Pintar Cerdas dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademi*. Malaysia: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 30-45.
- Downs, A. (Ed.).(1970). *Who Are the Urban Poor?* New York: Committee for Economic Development. 26.
- Eyles, J. (1992). Interpreting the Geographical World: Qualitative Approaches in Geographical Research. Dalam Eyles, John dan Smith, David M (Eds.) *Qualitative Methods in Human Geography*. 1-16. Oxford : Blackwell Publishers.
- Faridah Abu Hassan, Naimah Ishak, Hamidah Yusof, Dr. Habibah Abdul Rahim. (2005). Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). *Kemiskinan dan Pendidikan: Perubahan Minda Orang Melayu Ke Arah Kecemerlangan Pendidikan Akademik*. http://www.moe.gov.my/galeri_awam/selidik/2005/2005_BTMK_5_9637_3446.pdf
- H. Osman Rani. (1995). *Daerah-daerah Kemiskinan: Siri Kajian Ekonomi Dewan*. Malaysia : Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur :1-15.
- Ibrahim Abu Shah. (Penterjemah Mohd. Anini Mohd Isa). (1995). *Kesedaran dan Persepsi Pelajar Luar Bandar Terhadap Pembangunan Sumber Manusia di Sarawak*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1-5.
- Malaysia. (1994). *Report: Drop- out and low Achievement —Case studies in selected primary schools in Malaysia*. Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia, Educational Planning and Research Division-EPRD.

- Malaysia. (1996). *Laporan Kajian Kes Mengenai Keciciran Pelajar di Sekolah Menengah*. Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Malaysia. (2001). *Laporan kajian Memperkasa Pencapaian Akademik Pelajar Melayu*. Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Malaysia. (2002). *Laporan Kajian Penilaian Pelaksanaan Mata Pelajaran Bahasa Inggeris Di Sekolah Rendah Luar Bandar: Aspek Guru*. Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Malaysia. (2004). *Kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin, 1999-2002*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Retrieved from:
<http://www.kpwkm.gov.my/panel/Upload/4.1Kadar%20Kemiskinan%20Dan%20Bilangan%20Isti%20Rumah%20Miskin%201999%202002.pdf>
- Lino, M. (1994). *Income and Spending Patterns of Single-Mother Families*. Retrieved from:
<http://www.bls.gov/opub/Mir/1994/05/art5full.pdf>
- Nath, S R, Sylva, K, dan Grimes, J. (1999). Raising Education Levels in Rural Bangladesh: The Impact of A Non-formal Education Programme. *International Review of Education* 45 (1), 1-22.
- Nhamo, S dan Nhamo, G. (2006). Macroeconomics, (Adult) Education, and Poverty Eradication in Southern Africa. *International Review of Education* 52, 305-322.
- Ogburn, W.F. (1964). *Culture Lag as Theory and Social Change*. In *Culture and Social Change*. Chicago: The University of Chicago Press. 86-95.
- Rahmah Ismail (2003). *Pendidikan dan Pembangunan. Ekonomi Pembangunan: Isu-isu Sumber Manusia*. Malaysia: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 92 – 118.
- Raja Rohana Raja Mamat. (1991). *The Role and Status of Malay Women in Malaysia: Social and Legal Perspectives*. Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 37.
- Robinson, Guy M. (1998). *Methods and Techniques in Human Geography*. Chichester: John Wiley & Sons. 13-14.
- Sabitha Marican & Mahmood Nazar Mohamed. (1994). *Fenomena Keruntuhan Akhlak Remaja: Tren, Punca dan Penyelesaian*. Retrieved from:
<http://www.kempadu.gov.my/jkm/mel/jurnal/dis99-1.htm>
- Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid. (2009). *Peluang dan Cabaran Pendidikan dalam kalangan Masyarakat Luar Bandar: Satu Kajian Kes Isi Rumah Melayu Miskin di Jajahan Bachok, Kelantan*. (Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2009).
- Todaro. M. P. (2003). *Economic Development. (Eight Edition)*. England: Addison Wesley Longman, Inc. Edinburgh Gate, Harlow. 17-388.

Siti Masayu Rosliah Binti Abdul Rashid
Universiti Sains Malaysia
masayurashid@gmail.com

Narimah Samat
Universiti Sains Malaysia